



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA, JULAI 2023

Nilai jualan sektor Pembuatan berjumlah RM144.0 bilion, menurun sebanyak 3.0 peratus pada Julai 2023

PUTRAJAYA, 11 September 2023 - Nilai jualan sektor Pembuatan berjumlah RM144.0 bilion, menurun sebanyak 3.0 peratus pada Julai 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Julai 2023** pada hari ini.

Mengulas laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Nilai jualan sektor Pembuatan merosot untuk bulan kedua berturut-turut pada Julai 2023, mengecil kepada negatif 3.0 peratus tahun ke tahun daripada negatif 4.0 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik yang mencatatkan penurunan berterusan kepada negatif 15.3 peratus pada bulan tersebut (Jun 2023: -12.4%). Tambahan lagi, kemerosotan ini juga disumbangkan oleh penyusutan dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (-7.8%); dan Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-0.6%). Bagi perbandingan dengan bulan sebelumnya, nilai jualan menurun sebanyak 2.4 peratus berbanding RM147.4 bilion yang direkodkan pada Jun 2023 (0.4%)."

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 72.1 peratus daripada jumlah jualan terus merosot sebanyak 7.0 peratus pada Julai 2023 (Jun 2023: -7.4%), disebabkan terutamanya oleh industri Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-25.6%); Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (-18.5%); dan Pembuatan produk getah (-10.8%). Namun begitu, prestasi industri berorientasikan domestik kekal menggalakkan, mencapai 9.2 peratus pada Julai 2023 berbanding 6.8 peratus pada Jun 2023, seterusnya mengurangkan impak kemerosotan dalam industri berorientasikan eksport. Momentum stabil bagi industri berorientasikan domestik disokong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam nilai jualan bagi industri Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler, mencatatkan 22.0 peratus manakala industri Pembuatan produk logam, kecuali mesin & kelengkapan; dan Pembuatan produk prosesan makanan masing-masing meningkat sebanyak 9.7 peratus dan 8.5 peratus. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan domestik berkembang sebanyak 1.0 peratus, manakala industri

berorientasikan eksport kembali ke pasaran negatif dengan penurunan sebanyak 3.6 peratus.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menambah, “Sektor Pembuatan melibatkan seramai 2.34 juta orang pada Julai 2023, meningkat 1.7 peratus berbanding 2.30 juta orang yang direkodkan setahun lalu. Kenaikan ini didorong terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (5.8%); Peralatan elektrik & elektronik (1.1%); dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (2.1%). Berbanding bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang secara marginal sebanyak 0.2 peratus. Begitu juga, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga meningkat sebanyak 2.9 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM7.9 bilion pada Julai 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah menurun 1.5 peratus daripada RM8.0 bilion yang direkodkan pada Jun 2023. Tambahan lagi, purata gaji & upah bulanan bagi setiap pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus tahun ke tahun dengan nilai RM3,390 manakala nilai jualan bagi setiap pekerja turun 4.6 peratus kepada RM61,518.”


Merumuskan prestasi bagi tujuh bulan pertama tahun 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM1,032.6 bilion, meningkat sebanyak 2.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pada tempoh tersebut, bilangan pekerja bertambah 1.7 peratus untuk merekodkan seramai 2.34 juta orang manakala gaji & upah tumbuh 3.8 peratus, mencatatkan RM56.6 bilion. Seterusnya, nilai jualan per pekerja mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.8 peratus, berjumlah RM441,255.”

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”


**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan,
Julai 2022 - Julai 2023**




**Carta 2: Pertumbuhan Subsektor Pembuatan pada Julai 2023 berbanding
Jun 2023**




Carta 3: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Julai 2022 - Julai 2023



Carta 4: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Jun 2023 dan Julai 2023



**Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan,
Jun 2023 dan Julai 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2023**